

Kempen JomPAY!

Terma-terma dan Syarat-syarat

Kempen JomPAY! (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301002944 (98127 – X)) (“**Bank Islam**”).

1. Definisi

- (a) “**JomPAY**” bermaksud inisiatif nasional yang disokong oleh Bank Islam Malaysia Berhad untuk membolehkan pembayaran bil dan invois dalam talian di seluruh Malaysia.
- (b) “**Pengebil-engebil JomPAY**” bermaksud masjid, sekolah, badan bukan kerajaan (NGO) atau Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah mendaftar dengan Bank Islam untuk mengumpul atau menerima pembayaran menggunakan JomPAY
- (c) “**Transaksi JomPAY**” bermaksud pembayaran yang berjaya bagi mana-mana bil atau invois kepada Pengebil-engebil JomPAY melalui JomPAY, untuk sebarang jumlah.
- (d) “**Laman Facebook**” bermaksud halaman rasmi Facebook Bank Islam dengan pautan <https://www.facebook.com/BankIslamFB/>.
- (e) “**Laman Instagram**” bermaksud halaman rasmi Instagram Bank Islam dengan pautan <https://instagram.com/bankislam/>.

2. Tempoh Kempen

- (a) Kempen ini bermula dari 16 November 2020 hingga 30 April 2021 (termasuk kedua-dua tarikh) (“**Tempoh Kempen**”).

3. Kriteria Kelayakan dan Mekanisma Kempen

- (a) Kempen ini terbuka kepada semua Pengebil-pengebil JomPAY yang telah mendaftar dengan Bank Islam Malaysia Berhad sepanjang Tempoh Kempen.
- (b) Pengebil-pengebil JomPAY mesti menerima minimum 10 Transaksi JomPAY (apa-apa jumlah) dari pelanggan mereka dalam Tempoh Kempen untuk layak menyertai cabutan untuk hadiah.
- (c) Transaksi JomPAY yang tidak lengkap atau dilakukan sebelum atau selepas Tempoh Kempen tidak layak untuk menyertai Kempen ini..
- (d) Setiap Pengebil-pengebil JomPAY hanya layak untuk satu penyertaan sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- (e) Pengebil-pengebil JomPAY yang menutup akaun mereka semasa Tempoh Kempen atau selepas Tempoh Kempen (sehingga hadiah wang tunai dikreditkan ke dalam akaun pemenang) tidak layak untuk menyertai kempen.
- (f) Transaksi JomPAY akan dikawal selia oleh sistem berkomputer. Penghantaran borang, SMS, tandatangan kreatif/slogan, dan sebagainya tidak diperlukan,

4. Hadiah

- (a) Pengebil-pengebil JomPAY yang memenuhi Kriteria Kelayakan dan Mekanisma Kempen di atas akan berpeluang memenangi hadiah berikut:
 - Hadiah – RM5,000 setiap pemenang
 - Jumlah pemenang – 20

- (b) Terdapat 2 cabutan untuk 10 pemenang bagi setiap cabutan:
- **Cabutan pertama** – Nama pemenang akan diumumkan pada minggu kedua, Februari 2021
 - **Cabutan Kedua**– Nama pemenang akan diumumkan pada minggu kedua, Mei 2021
- (c) Para pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan berkomputer.
- (d) Pengebil-engebil JomPAY hanya berpeluang memenangi satu hadiah sahaja dalam Tempoh Kempen.
- (e) Nama pemenang akan diumumkan di Laman Facebook, Laman Instagram dan laman sesawang Bank Islam.
- (f) Pemenang akan dihubungi oleh Bank Islam melalui e-mel atau telefon.
- (g) Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi, Bank Islam berhak memperuntukkan hadiah kepada pemenang yang seterusnya.

5. Terma dan Syarat Am

- (a) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat ini sebelum mengambil bahagian di dalam kempen dan/atau promosi Bank Islam.
- (b) Untuk mengambil bahagian di dalam kempen dan/atau promosi Bank Islam, pelanggan mestilah termasuk dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, pelanggan tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk menyertai kempen atau promosi ini.
- (c) Dengan mengambil bahagian di dalam kempen / promosi ini, pelanggan:
- i. akan membenarkan pihak Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat yang diperlukan untuk tujuan kempen / promosi ini;
 - ii. akan bersetuju untuk Bank Islam menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambarnya dalam media, pemasaran, laman

Facebook, laman Instagram atau laman sesawang Bank Islam untuk tujuan kempen ini (jika berkenaan); dan

iii. akan bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara yang berkaitan dengan kempen / promosi ini, pemilihan pemenang dan hadiah melalui enjin cabutan umum pihak Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan tiada surat-menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.

(d) Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau pembayaran cukai (jika ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.

(e) Hadiah di dalam kempen / promosi ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan, melainkan dinyatakan dengan jelas dalam Terma dan Syarat ini (jika ada).

(f) Hadiah ini (dimana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukar dengan hadiah lain atau wang tunai lain. Pemenang mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah tersebut berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika para pemenang menebus / memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank Islam.

(g) Jika hadiah (mana berkenaan) yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, Bank Islam berhak untuk menggantikan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara atau dengan apa jua hadiah yang dianggap sesuai dengan memberikan notis kepada Pelanggan sekurang-kurangnya empat

belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh Bank Islam. Kaedaj pemberitahuan boleh dibuat secara bertulis, melalui cara elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun laman sesawang Bank Islam.

- (h) Pemenang akan dihubungi oleh Bank Islam melalui telefon sekurang-kurangnya sebanyak tiga (3) panggilan telefon kepada pemenang bagi mengatur pemungutan / penyerahan hadiah. Bank Islam akan menghubungi pemenang melalui Nombor Telefon Bimbit, Nombor Telefon Pejabat atau Nombor Telefon Rumah sepertimana yang terdapat di dalam rekod Bank Islam. Sekiranya para pemenang gagal dihubungi, Bank Islam berhak untuk membuat cabutan baru / lain untuk Pelanggan yang lain sebagai pemenang. Wakil pemenang tidak dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak mereka.
- (i) Pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau *majlis seumpamanya* (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan dimaklumkan pada tarikh yang akan datang. Pemenang terpilih bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua perbelanjaan yang ditanggung dalam menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.
- (j) Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan. Dengan menyertai kempen / promosi ini, pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara pihak Bank Islam, Oleh yang demikian, pihak Bank berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
- (k) Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta dan / atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen / Promosi ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan / atau apa jua yang dialami oleh pelanggan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam kempen / promosi ini atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah

dan / atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari pihak Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara sekalipun, bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan kempen ini.

- (l) Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung promosi dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dibuat secara bertulis, melalui cara elektronik atau paparan notis di cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank Islam, tidak membolehkan para pelanggan yang menyertai Kempen / Promosi ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada tindakan pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- (m) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank Islam dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- (n) Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan kepada dan tanpa prejudis kepada Terma-terma dan Syarat-syarat JomPAY dan produk atau perkhidmatan yang berkaitan. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung dengan kempen / promosi ini.
- (o) Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

(p) Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan-cawangan Bank Islam terdekat, atau hubungi Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan kami di talian 03 26900900 atau layari laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com>

[TAMAT]